

Sungai Nipah makin tercemar

GEORGETOWN: Lebih 10,000 penduduk yang tinggal berhampiran Sungai Nipah di Batu Maung, dekat sini, tidak sanggup lagi berdepan kesan pencemaran air sungai yang berwarna hitam dan berbau busuk.

Penduduk mendakwa mereka bukan saja terpaksa menghidu pencemaran air sungai yang kotor dan menjijikkan itu, malah bau hanyir dari kawasan itu menyebabkan mereka tidak berselera menikmati hidangan makanan setiap hari.

Tinjauan Metroplus mendapati air sungai itu bukan saja berselut, malah berlumpur dan berkelodak sepanjang dua kilometer dipercayai berpunca daripada pelepasan sisa kumbahan domestik, pembuangan sampah dan kumbahan industri sejak lebih 15 tahun lalu.

Malah, pelepasan kumbahan industri itu juga dipercayai dikenal pasti menjadi punca kematian ikan dan hidupan sungai.

Setiasaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Sungai Nipah, Omar Charkin (*gambar*) berkata, walaupun jumlah beban kumbahan industri adalah kecil, kesannya lebih berba-

KOTOR...pencemaran di Sungai Nipah berlarutan sejak lebih 15 tahun lalu.



haya berbanding kumbahan domestik atau haiwan.

Menurutnya, kesan kumbahan itu akan mengurangkan oksigen sehingga menyebabkan kematian ikan dan sumber hidupan di sungai itu serta berbau busuk.

“Pihak bertanggungjawab perlu menyelesaikan masalah pencemaran akibat pembuangan sisa najis babi sebelum ini dan bahan kimia daripada kilang yang beroperasi di kawasan itu,” katanya.

Katanya, walaupun kerajaan

negara pernah menganjurkan program membaling bola lumpur ke dalam sungai berkenaan awal tahun lalu bagi mengurangkan pencemaran, kesannya dilihat tidak banyak berubah.

Penduduk, Ahmad Said, 56, berkata, orang ramai khususnya yang tinggal di pinggir sungai berkenaan masih menghidu bau busuk dan meloyakan terutama ketika mahu menjamah makanan.

“Sampai bila kami terpaksa berdepan keadaan ini yang

sudah berlarutan sejak sekian lama?” katanya.

Menurutnya, kesan pencemaran terus menjadi masalah besar kepada pembangunan negeri itu jika tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh serta berterusan.

“Bayangkan, bukan saja penduduk terpaksa berdepan dengan pencemaran ini, tetapi pelabur yang membina kilang mereka di kawasan berdekatan juga bakal menghadapi masalah sama,” katanya.